


GIATMARA MALAYSIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor Bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPPIM)/CIDB bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

CADANGAN NAIKTARAF PREMIS SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI GIATMARA SEMPORNA, SABAH

NO SEBUT HARGA	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	TEMPOH DAN TEMPAT PENJUALAN SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKHTUTUP SEBUTHARGA
GM400/122/RMK12/022/2023	TARIKH : 22 JUN 2023 MASA : 10.00 PAGI TEMPAT : GIATMARA SEMPORNA, PETI SURAT 474, 91308 SEMPORNA, SABAH	TEMPOH PENJUALAN: 22 JUN 2023 10.00 PAGI SEHINGGA 12.00 TENGAHARI SAHAJA TEMPAT PENJUALAN: GIATMARA SEMPORNA, PETI SURAT 474, 91308 SEMPORNA, SABAH	<p>1. Kontraktor DIWAJIBKAN untuk membuat *pendaftaran secara atas talian dengan capaian pautan atau mengimbas QR kod seperti di bawah:</p>  <p>*kontraktor perlu memuat naik semua salinan lesen berkaitan di dalam pautan seperti di para 2.</p> <p>2. Kod Bidang Kerja Berkaitan: CIDB GRED : G2 KATEGORI : B PENGKHUSUSAN : 04</p> <p>3. PUKONSA: KELAS E : TAJUK II (KERJA-KERJA BANGUNAN) (Tajuk Kecil 8 : Kerja-kerja Penyelenggaraan : (b) - Pengecatan Semula dan Pembaikan Am Bangunan)</p> <p>4. SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)</p> <p>5. SIJIL TARAF BUMIPUTERA DARI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR / BPKU.</p> <p>PARA KONTRAKTOR DIINGATKAN AGAR MEMATUHI GARIS PANDUAN MAJLIS KESELAMATAN NEGARA SEPANJANG PROSES JUALAN SEBUT HARGA DIJALANKAN.</p>	RM 50.00	TARIKH: 06 JULAI 2023 MASA: 12.00 T/HARI

2. Kontraktor hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil dokumen:-
- Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia **SSM**.
 - Perakuan Pendaftaran Kontraktor oleh CIDB/PUKONSA.
 - Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB/PUKONSA.
 - Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari BPKU.
- Satu (1) salinan **SIJIL-SIJIL** di atas hendaklah dikemukakan untuk simpanan **GIATMARA** semasa mengambil dokumen. **GIATMARA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **GIATMARA** tidak layak.
3. Dokumen sebut harga boleh diperolehi pada tarikh dan waktu taklimat tapak. Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) kontraktor hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.
4. Kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat sebhutharga seperti alamat di atas. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat sebhutharga dan membeli dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT/PENAMA** yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKAUN PENDAFTARAN SYARIKAT** untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat sebhutharga tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh **GIATMARA** semasa menghadiri taklimat sebhutharga.
5. Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab kontraktor.
6. **GIATMARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **GIATMARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
7. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan **No. Sebut Harga dan Tajuk Kerja** di sebelah kiri bahagian atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** seperti alamat di bawah:-

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
NO.39 & 41, WISMA GIATMARA, JALAN MEDAN TUANKU,
50300 KUALA LUMPUR

Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga **06 JULAI 2023** jam **12.00** tengahari

8. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan diterima. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh layari <http://www.giatmara.edu.my/>